

WALAUPUN perkhidmatan jalur lebar kian meluas termasuk meliputi pondok menunggu bas seperti dalam gambar ini, aspek kualiti didakwa belum memuaskan sehingga menyebabkan ramai mengadu kepada NCCC. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR - Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) menerima 34,381 aduan daripada pengguna di seluruh negara berhubung kes-kes pembelian barangan dan perkhidmatan yang membabitkan kerugian berjumlah sehingga RM250 juta sepanjang tahun lalu.
Jumlah kes itu mencatat peningkatan 6.2 peratus berbanding 32,369 aduan pada tahun 2009 dengan nilai kerugian RM150 juta.

Pengerusi Lembaga Pengarah NCCC, Datuk N. Marimuthu berkata, trend peningkatan jumlah aduan itu bermakna bilangan pengguna semakin ramai dan mereka juga kian sensitif terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang diberikan.

"Ini menuntut pengusaha mengambil langkah yang serius untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kepada pengguna," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar dan Pelancaran Laporan Tahunan 2010 NCCC, di sini semalam.